



15 September 2021  
15 September 2021  
P.U. (A) 367

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 11) 2021

*STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 11) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 11) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 11) 2021.**  
  
(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2021.

**Pengecualian**

2. (1) Suatu surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang berhubungan dengan penstruktur semula atau penjadualan semula pinjaman atau pembiayaan antara peminjam atau pelanggan dengan institusi kewangan yang disempurnakan pada atau selepas 1 Julai 2021 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2021 adalah, atas permohonan, dikecualikan daripada duti setem.

- (2) Pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut:

- (a) surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan sedia ada itu telah disetemkan dengan sewajarnya di bawah butiran 22 atau 27 Jadual Pertama kepada Akta; dan  
  
(b) surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang berhubungan dengan penstruktur semula atau penjadualan semula pinjaman atau pembiayaan itu tidak mengandungi elemen penambahan nilai kepada amaun asal pinjaman atau pembiayaan di bawah surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang sedia ada.